MALAYSIA REPROGRAPHIC RIGHTS CENTRE

Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

# MISI HAK CIPTA




SEBUAH KOMIK PENDIDIKAN HAK CIPTA

Cetakan Pertama 2023
© MARC dan MyIPO

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pihak MARC dan MyIPO.

Pengarah Produksi
**KAMAL KORMIN**
**NOOR ALIFF MUSA**

Penulis
**AHMAD HUSSEIN**
**MOHD SYAUFIQ ABDUL LATIF**
**NAZRY SALAM**

Artis Komik
**NAZRY SALAM**

Diterbitkan oleh
**MALAYSIA REPROGRAPHIC RIGHTS CENTRE (MARC)**
No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran
Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Dengan kerjasama
**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)**
Level 5, Menara MyIPO, PJ Sentral, Lot 12,
Persiaran Barat, Seksyen 52 Petaling Jaya,
46200 Petaling Jaya, Selangor.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-98636-0-1

# MISI HAK CIPTA

Aktiviti penyalinan tanpa kebenaran atau lebih dikenali sebagai capaian fotokopi, memuat naik kandungan tanpa kebenaran atau cetak rompak selain faktor kepentingan kepada keuntungan yang besar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, menyebabkan fenomena negatif ini sukar untuk ditangani secara holistik.

Aktiviti seperti ini sukar dibendung sekiranya tiada satu kerjasama baik daripada pemegang hak cipta waima orang awam yang sentiasa menyokong kepada kegiatan seperti ini.

Komik pendidikan ini disusun bagi memberi satu kesan positif berbentuk kesedaran awam terhadap kepentingan menjaga hak pemegang hak dan pemakaian penggunaan melalui saluran yang betul dengan permintaan kebenaran daripada pemegang hak.

Perbadanan Harta Intelek Malaysia dengan kerjasama Malaysia Reprographic Rights Centre Berhad (MARC) menerapkan nilai-nilai murni dalam memberikan penerangan kepada pengguna khususnya pelajar, guru, dan pihak yang menggunakan karya hak cipta agar sentiasa menghormati hak cipta orang lain dan mengelakkan diri terjerumus ke dalam pelanggaran hak cipta iaitu cetak rompak.

Semoga melalui inisiatif komik pendidikan ini dapat dimanfaat sepenuhnya oleh para pembaca, dan secara tidak langsung dapat membudayakan dan memperkasakan kepentingan hak cipta demi melestarikan ekosistem yang memberi keseimbangan faedah ekonomi kepada para pemegang hak cipta.

MARC
MALAYSIA REPROGRAPHIC RIGHTS CENTRE

MyIPO

© MyIPO dan MARC. Hak cipta terpelihara.


MALL
Ji-MART
UNIK
MISI TUAH
La la la! *I love my job*!
KOMIK
Kenapa rasa macam diperhatikan?
Yeah, komik baru Misi Tuah dah keluar!
Haiqal 9 tahun
Wah!
MISI TUAH
Errr, adik....
Tak boleh baca percuma. Kalau nak baca, kena beli dulu.
Beli? Mahalnya! Duit ada tapi nak beli air boba.
RM 20.00
DEEN SDN BHD


Tak apalah, bang. Saya tak nak beli. Terima kasih.
Haiqal, nah komik terbaru Misi Tuah yang kau suruh fotostat.
Yes! Terima kasih, Lan!
Jangan lupa, kos dia RM1 tepat.
Tak lupalah!
RM1
Jimat RM19. Nasib baik tak beli yang ori.
HEI!
Mama, saya dah balik.
Dah balik? Mama ada surprise untuk kamu!



*Pen drive* animasi Misi Tuah!
16 GB
PEN DRIVE
Dalamnya ada 100 episod! Animasi lain pun ada! Mama beli di Internet. RM10 **je**!
*WOW!*
Lama **dah** Haiqal teringin **nak** beli. Terima kasih, mama! *I love you*!
Malam itu ...
MISI TUAH
EPISOD 88
Haiqal, tidur! **Dah** jam 11.00 malam!
Esoknya ...
Ya Allah! Mengantuknya! Menyesal tengok animasi Misi Tuah sampai lewat malam.
**Tapi** kalau **tak** tengok, lagi menyesal! **Hu hu hu**!
Terpaksalah aku melukis untuk hilangkan rasa mengantuk.
Haiqal?
GULP!


!
Cikgu Layla
Umur rahsia
Apa yang kamu sibuk buat waktu cikgu tengah mengajar?
SHRAP!
Bak sini, cikgu nak tengok!
.....
Maaf, cikgu. Biar saya berdiri atas kerusi.
HA! HA! HA! HA!
Kamu ke yang lukis ni, Haiqal? Lucunya kamu lukis watak Misi Tuah ni! Cikgu peminat komik dia tau!
Hah? Cikgu tak marah? Malah cikgu pun minat Misi Tuah?
Sejak itu, Haiqal semakin rapat dengan Cikgu Layla. Mereka selalu berbual-bual berkenaan Misi Tuah.
2 bulan kemudian.
BUKU
SALE!
...
Hmmm. Kenapa aku rasa tak sedap hati ni? Apa yang berlaku?
Eh?
!!!
Budak ni lagi!


Bila abang **nak** susun komik baru Misi Tuah? Dah 62 hari saya tunggu! **Tak** sabar sangat **nak** baca sambungannya. Tolonglah abang! *Please*!
Macam mana saya **nak** susun bukunya? Syarikat penerbit Misi Tuah **tak** hantar buku baru kepada kami.
Saya ada juga hubungi syarikat Misi Tuah, **tapi** **tak** ada sesiapa jawab.
Kalau begitu, boleh **tak** abang yang lukis komiknya? Asalkan ada sambungan. *Please*!
Kalau abang pandai lukis, abang **tak** kerja susun buku di sini, **dik**. **Hu hu hu**!
Misi Tuah, awak pergi ke mana? Lamanya awak menghilang.
Rindu **nak** baca komik baru. **Hu hu**!
Cikgu pun rindu Misi Tuah....
Eh? Cikgu!
Cikgu, **kenapa** Misi Tuah **dah tak** keluarkan komik dan animasi baru? Cikgu tahu sebabnya?
. . . .
Sebenarnya, syarikat yang buat Misi Tuah **dah** gulung tikar.
Eh? Mengapa mereka gulung tikar?
Adakah mereka sekarang sudah jual tikar? **Tak** buat komik lagi?


Bukan, bukan....
Maksud 'gulung tikar' ialah syarikat ditutup kerana kerugian.
Kerugian?
**Tak** mungkin, cikgu! Misi Tuah sangat popular! Ramai orang beli barangan mereka!
.....
Haiqal ada beli barangan Misi Tuah?
Mestilah saya beli, cikgu!
Saya ada baju Misi Tuah, topi, tanjak, dan cermin mata! Semua saya beli di pasar malam.
CAP LANUN RM5
CAP AYAM RM3
PIRATE BRAND RM10
JENAMA TAKORI RM7
Saya selalu beli komik fotostat daripada Lan.
Mama pun ada belikan animasi Misi Tuah dalam *pen drive* dan Blu-ray.
MISI TUAH 1
MISI TUAH 2
TUAH 3
BLU-RAY
Haiqal, semua itu **tak** menyumbang kepada syarikat Misi Tuah.
Punca utama syarikat Misi Tuah ditutup ialah ... cetak rompak!
Cetak rompak?
Haiqal baca buku ini dan hadamkan, ya.
Nanti kamu akan faham semuanya....


Buku apa yang Cikgu Layla berikan **ni**? Tajuk pun **tak** tulis. **Takkan** komik baru Misi Tuah?
SHINNNNNNN!
!
BUK!
Aduh!
Cahaya apa **tu**? Terangnya!
I ♥ MISI TUAH
**Kenapa** ada cahaya keluar bila aku buka buku **tu**?
Hai, Haiqal!




Ini ialah simbol hak cipta, iaitu huruf C dalam bulatan.
C merujuk pada huruf pertama dalam perkataan '*copyright*'.


Masalah timbul bila orang beli barang tiruan. Barang tiruan dihasilkan tanpa keizinan pemilik hak cipta.
FAKE
RM
Barang 'fake' atau tiruan biasanya:
1. Tidak berkualiti
2. Terlalu murah
3. Dijual secara berleluasa
RM?
DEEN
Duit hasil jualan barang tiruan **tak** diberi kepada pemilik hak cipta.
Barangan cetak rompak dijual murah kerana dihasilkan tanpa kualiti dan bayaran royalti.
DEEN
ORI
FAKE
Kerana mahu berjimat, ramai orang lebih suka beli yang cetak rompak.
Akhirnya, yang rugi ialah pemilik hak cipta dan pengeluar barang asli disebabkan jualan terjejas.
Sedihnya ...
DEEN
Dah keluar modal besar ...
ORI
Oh ...
Barulah saya faham....
**Tapi**, semuanya **dah** terlambat....
Misi Tuah **dah tak** ada, dan saya salah seorang penyebabnya....
Belum terlambat, Haiqal.
Masih sempat kita selamatkan keadaan.


Kalau orang ramai lebih faham tentang hak cipta, mungkin Misi Tuah boleh bernafas kembali!
Kita boleh juga selamatkan pengkarya lain yang turut rugi disebabkan cetak rompak!
....
Betul. Ini bukan masa untuk lemah dan mengalah.
Kita ada MISI BESAR!
Haiqal menasihatkan kawannya supaya berhenti menjual komik fotokopi. Penjualan komik fotokopi boleh menjejaskan jualan buku komik sebenar.
KOMIK FOTOSTAT RM2
Haiqal juga memaklumkan kepada ibunya supaya tidak lagi membeli bahan animasi murah di Internet kerana itu juga termasuk barangan tiruan.
Haiqal turut memberi kesedaran kepada penjual barang tiruan bahawa aktiviti cetak rompak boleh merugikan orang yang berniaga secara sah.
MISI TUAH
RM5
Pada masa sama, Haiqal berkempen kepada orang ramai supaya membeli barangan asli. Ini dapat membantu pemilik hak cipta.


Bagi membanteras kegiatan cetak rompak di Internet, Haiqal turut membuat *report* terhadap akaun dan laman *web* yang menjual komik secara haram.
KELIK!
DONE REPORT
Padu, Haiqal!
Usaha yang konsisten pasti membuahkan hasil.
3 bulan kemudian ...
COPING MALL
Komik baru Misi Tuah **dah** keluar! Wah!
MISI TUAH
TUAH KEMBALI!
Syukur! Usaha kita berjaya juga!
Animasi pun **dah** keluar episod baru!
**Fuh**! Macam **tak** percaya!
ANIMASI MISI TUAH EP. 150
MISI TUAH


KRINGGGGGG!
Haiqal, ada orang **nak** jumpa kamu.
Eh?
Cikgu nak perkenalkan kepada kamu ...
Ini kawan cikgu. Nama dia Ardeena....
... atau lebih dikenali sebagai Deen, pelukis komik Misi Tuah.
Eh? Deen Misi Tuah?
**Kenapa** Deen **nak** jumpa saya? Dan saya sangka Deen ialah lelaki!
Haiqal, Cikgu Layla **dah** ceritakan semuanya. Terima kasih sebab bantu Misi Tuah.
**Ni** ada hadiah **sikit** untuk Haiqal.
*Wow*! Buku seni Misi Tuah edisi terhad berkulit keras...
... dan berautograf ...
Haiqal!
BUK!

TAMAT

# Senarai Perbuatan yang Melanggar Hak Cipta



# Apa yang perlu dilakukan jika nampak ada orang melakukan pencurian hak cipta?

Tegur secara baik dan berhemah.

Laporkan kepada pihak berkuasa.

Sekiranya ternampak di Internet, tekan butang 'report'.

REPORT

Dapatkan khidmat nasihat MARC:
**enquiries@mymarc.org**



Perbuatan melanggar hak cipta sama beratnya seperti mencuri dan merompak harta benda orang lain.

Sama-sama kita menjaga hak cipta kita sendiri dan orang lain.




# MISI HAK CIPTA

Haiqal seorang murid sekolah rendah. Dia begitu obses pada siri komik dan animasi bertajuk Misi Tuah.

Namun begitu, Haiqal hanya membeli barangan cetak rompak Misi Tuah, seperti komik fotostat dan baju pasar malam.

Satu hari, syarikat Misi Tuah ditutup akibat aktiviti cetak rompak yang tidak terkawal. Haiqal berasa sedih dan kecewa.

Demi menebus kesilapan lalu, Haiqal berazam menyedarkan orang ramai berkenaan hak cipta dan cetak rompak.

**Misi Hak Cipta bermula!**

ISBN 978-629-98636-0-1

9 786299 863601

MARC
MALAYSIA REPROGRAPHIC RIGHTS CENTRE

MyIPO
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia